

01 SEP 1998

FOREX-EKONOMIS/I

SEKATAN FOREX MALAYSIA UBAT YANG BETUL, KATA KRUGMAN

SINGAPURA, 1 Sept (Bernama) -- Langkah Malaysia memperkenalkan kawalan tukaran asing untuk membendung spekulasi di dalam ringgit adalah apa yang seorang ahli ekonomi terkenal dunia cadangkan baru-baru ini.

Dr Paul Krugman, profesor ekonomi di Massachusetts Institute of Technology yang merupakan ahli ekonomi pertama menyatakan kesangsian ke atas teori Kejaiban Asia, telah berkata ekonomi-ekonomi Asia yang bermasalah patut memperkenalkan kawalan tukaran wang asing untuk memulihkan keyakinan antarabangsa.

Berucap pada perjumpaan perniagaan di Singapura minggu lalu, Dr Krugman berkata ekonomi-ekonomi Asia telah tiba ke penghujung jalan "dan bahawa masanya telah tiba untuk melalukan sesuatu yang radikal."

Sebelum kawalan tukaran wang asing yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir telah membayangkan bahawa Malaysia sedang menimbang langkah-langkah yang kelihatan "drastik" dan "mengejutkan."

di dalam ucapan beliau di Singapura, Dr Krugman berkata satu langkah radikal seperti kawalan tukaran wang asing adalah perlu kerana tekanan ke atas ekonomi-ekonomi Asia adalah terlampau besar dan kerana program pembaharuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) telah gagal.

"Memandangkan Pelan A, iaitu pergi kepada IMF, tidak berjaya, ini masanya untuk pergi ke Pelan B, iaitu melaksanakan kawalan tukaran wang asing," katanya.

Thailand, Indonesia dan Korea adalah tiga ekonomi Asia yang bermasalah yang telah pergi kepada IMF untuk bantuan kewangan.

Menulis di dalam terbitan terbaru majalah Fortune, Dr Krugman telah berkata bahawa kawalan tukaran wang asing yang radikal secara sementara akan memutuskan perhubungan antara kadar faedah domestik dan kadar tukaran wang.

Beliau menyebut ini akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar faedah tanpa mengakibatkan matawang mereka turun menjunam berterusan.

Katanya keadaan yang keterlaluan memerlukan langkah keterlaluan dan jika Asia tidak bertindak dengan cepat, krisis itu akan menjadi semakin buruk itu kemelesetan yang serupa dengan yang dialami pada tahun 1930-an.

Profesor Jagdish Bhagwati daripada Columbia University, yang menganggap Dr Krugman sebagai salah seorang bekas penuntutnya, berkata negara-negara sedang membangun, berpaling kepada kebolehan tukaran akaun modal "adalah seperti menunggang seekor harimau yang pergi ke arah yang betul - jika anda jatuh, anda akan terus berjalan ke mana anda mahu tetapi tidak di atas belakang harimau, sebaliknya di bawah perutnya."

Di dalam wawancara dengan Business Times Singapore hujung minggu ini, katanya IMF patut membatalkan agenda untuk mendesak ke boleh tukaran akaun modal ke negara-negara sedang membangun.

"Adalah mengherankan bahawa malahan ketika krisis Asia berlaku tahun lalu, Jawatankuasa Interim IMF di mesyuaratnya IMF di Hong Kong menggessa negara-negara anggota mengikuti arah yang merbahaya itu," kata Prof Bhagwati.

-- BERNAMA

THG SA OS